

Dewan Negara: Kerajaan Berhasrat Jadikan KLIA Hab Pengangkutan Udara Penting Asia
Bernama
06 Julai, 2011

KUALA LUMPUR, 6 Julai (Bernama) -- Kerajaan berhasrat untuk menjadikan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) sebagai hab pengangkutan udara yang penting di Asia meskipun terdapat persaingan dengan beberapa negara Asia lain.

Timbalan Menteri Pengangkutan Datuk Abdul Rahim Bakri berkata pelbagai usaha dilakukan untuk mencapai hasrat itu termasuk mengadakan rundingan dengan syarikat penerbangan tempatan dan antarabangsa.

"Kerajaan masih meneliti usaha yang berkesan kerana kita harus ketahui kekangan persaingan kuat daripada lapangan terbang lain seperti Singapura dan Thailand," katanya semasa menjawab soalan Senator Datuk Abdul Rahman Bakar pada persidangan Dewan Negara.

Abdul Rahman ingin tahu tentang perkembangan KLIA untuk mencapai status hab pengangkutan udara terpenting di Asia dan jumlah aliran perdagangan melalui udara yang keluar masuk antara Malaysia dan negara-negara luar dalam bentuk jumlah penumpang dan barangan.

Abdul Rahim berkata Malaysia mampu meningkatkan perkhidmatan dalam sektor penerbangan sejajar dengan pertambahan pengunjung dan pelancong sehingga 3.7 juta pada tahun ini.

"Industri penerbangan negara dijangka mengalami pertumbuhan pesat kerana syarikat penerbangan di seluruh negara dilihat mampu mengendalikan penumpang domestik dan antarabangsa kira-kira 59 juta dari tahun 2009 hingga 2010 dengan KLIA pada ranking pertama sebanyak 38,870,636 penumpang," katanya.

Berhubung jumlah penumpang dan barangan yang keluar masuk antara Malaysia dengan negara-negara luar bagi tahun lepas, katanya ia berjumlah seramai 28,007,147 orang manakala bagi barangan kargo sebanyak 754,918 tan metrik.

Beliau berkata antara usaha-usaha berterusan yang dilakukan oleh kementerian bagi meningkatkan jumlah penumpang dan kargo ialah mengadakan rundingan dengan negara-negara asing bagi meningkatkan hak trafik selain membolehkan syarikat penerbangan dalam dan luar negara mengadakan penerbangan.

"Kementerian juga menjalinkan kerjasama dengan Tourism Malaysia Board dan pejabat-pejabat kedutaan Malaysia di luar negara untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan dan menaik taraf lapangan terbang dan sistem-sistem berkaitan," katanya.

Menurut Abdul Rahim, kerajaan juga memberikan insentif tertentu oleh Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) seperti insentif caj pendaratan dan insentif sewa pejabat.

-- BERNAMA